

Dr. Mahathir terima Anugerah Mahaputra UUM

ALOR STAR 8 Mac - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad akan menerima Anugerah Mahaputra daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 12 Mac ini sempena sambutan ulang tahun universiti itu yang ke-20.

Menurut Penolong Pengarah (Perhubungan Awam) UUM, Suraya Deraman, anugerah ini merupakan pengiktirafan daripada Alumni UUM bagi mengenang jasa dan sumbangan yang tidak ternilai oleh Dr. Mahathir kepada penubuhan dan pembangunan universiti tersebut sehingga muncul sebagai pusat pengajian tinggi yang cemerlang.

Beliau berkata, majlis penganugerahan itu akan diadakan pada Majlis Makan Malam Diraja Alumni UUM di Palace of The Golden Horses, Sri Kembangan, Selangor.

"Anugerah itu akan dikurniakan oleh Sultan Kedah yang merupakan Canselor UUM," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Suraya memberitahu, majlis berkenaan yang dijayakan bersama dengan Persatuan Alumni UUM itu akan dihadiri oleh lebih daripada 1,000 orang dan ia turut menyampaikan beberapa anugerah termasuk Anugerah Kecemerlangan Alumni di sektor awam, swasta, keusahawanan serta Anugerah Jasa Dikenang kepada semua bekas Naib Canselor UUM.